

**MAJLIS MENANDATANGANI  
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DENGAN BERNAMA**

**DAN MAJLIS PENYERAHAN SIJIL MS ISO 9000  
OLEH UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN  
TENAGA MANUSIA (MAMPU)**

Sekali lagi kita berkesempatan untuk bersama-sama pada petang yang bersejarah ini bagi menyaksikan majlis menandatangani *MoU* di antara UMS dengan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), dan seterusnya majlis penyerahan Sijil MS ISO 9000 oleh MAMPU.

Sesungguhnya, majlis pada petang ini amat manis dan bermakna dalam arus pembangunan UMS yang lebih dinamik menuju pencapaian kualiti pendidikan yang bertaraf antarabangsa.

**Pembangunan Kampus UMS**

UMS sebagai universiti awam yang kesembilan ditubuhkan adalah bertujuan untuk mendukung wadah sebagai pusat pengajian tinggi negara yang berinovatif, serta diiktiraf di peringkat antarabangsa. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, struktur pendidikan di UMS telah dibentuk bagi menghasilkan graduan yang bersifat holistik dan produktif, serta berkemahiran tinggi selari dengan perubahan persekitaran yang semakin kompetitif. UMS membangun maju disebabkan oleh faktor keprihatinan, komitmen, sokongan, dan sumbangan pihak kerajaan pusat serta kerajaan negeri.

Selaras dengan peranan universiti untuk mendidik dan melahirkan *human capital* yang profesional, berilmu dan berdaya saing, UMS kini memiliki lebih 8,000 orang pelajar termasuk di Kampus Antarabangsa Labuan. Sebanyak lebih 53 program pengajian pelbagai bidang telah disediakan bagi memastikan para pelajar ini mendapat ilmu dan kemahiran berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Sejak penubuhan UMS lapan tahun yang lalu, universiti telah berjaya menghasilkan lebih kurang 2,485 orang graduan dalam pelbagai disiplin ilmu dan telahpun berkhidmat dalam pelbagai sektor pekerjaan, sama ada di sektor swasta mahupun kerajaan, di dalam mahupun luar negara.

**Objektif Penubuhan Makmal**

Sekolah Pengajian Ekonomi (SPE) merupakan landasan untuk melatih serta melengkapkan generasi pelapis negara khususnya dalam sektor ekonomi dan perniagaan. Bagi memantapkan program kendalian sekolah ini, perancangan penubuhan makmal saham telah tercetus. Idea ini pada peringkat awal telahpun direalisasikan melalui satu perjanjian persefahaman, di antara UMS dengan Innosabah Securities Bhd pada tahun 1996.

Dengan adanya makmal saham ini, pastinya akan membantu UMS melangkah setapak ke hadapan ke arah pendidikan yang berkonsepkan *e-learning*.

Secara amnya, makmal saham ini merupakan makmal pertama seumpamanya di institusi pengajian tinggi di Malaysia yang bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mewujudkan Pusat Latihan Profesional Pelaburan (*Professional Investment Training Centre*) dan Pusat Sumber dan Rujukan Maklumat Maya, untuk kepentingan pembelajaran dan pengajaran yang lebih interaktif dan berkualiti.
2. Memperkayakan pengendalian program serta membina *market-niche* untuk para graduan lepasan UMS, terutamanya dalam analisis gunaan pelaburan saham, opsyen, derivatif, komoditi serta mata wang bagi melahirkan siswazah yang lebih berdaya saing menerusi latihan bersifat simulasi, pencarian maklumat (*sourcing of information*), penganalisaan maklumat (*information analysis*) dan proses pembuatan keputusan (*decision-making process*).

### Pensijilan MS ISO 9000

Alhamdulillah, pada hari ini berkat iltizam, kesungguhan, komitmen, kerjasama dan kerja keras semua kakitangan universiti, UMS akhirnya berjaya menerima pensijilan kualiti MS ISO 9000.

Diharapkan dengan penerimaan Sijil MS ISO 9000 ini dapat meningkatkan semangat universiti untuk terus mencapai kejayaan dan kecemerlangan, bukan sahaja di peringkat nasional, malah antarabangsa. Inilah komitmen UMS sejajar dengan moto universiti 'Bertekad Cemerlang'.

Akhir kata, sekali lagi, saya bagi pihak seluruh warga UMS ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di atas keprihatinan dan sokongan berterusan yang diberikan terhadap pembangunan dan kemajuan universiti ini. Sesungguhnya, universiti ini akan terus mendukung aspirasi dan kepimpinan kerajaan demi pembangunan pendidikan bangsa dan negara.

Kepada pihak BERNAMA, kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan. Saya pasti usaha sektor swasta seperti BERNAMA ini akan terus mendapat pujian dan galakan daripada pelbagai pihak kerana penglibatan secara langsung dalam membantu membangunkan pendidikan negara.

Juga kepada pihak MAMPU yang sering memberi tunjuk ajar, galakan dan sokongan demi mencapai kualiti pengurusan universiti yang kini telahpun berjaya diperolehi. Semoga usaha ini akan dapat diteruskan dan UMS begitu komited untuk memajukan aspek-aspek pengurusan lain untuk ditingkatkan, khususnya dalam bidang penyelidikan supaya UMS dapat menjadi sebuah universiti yang bertaraf dunia pada masa hadapan.

*Kunjungan pemimpin menjadi bukti,  
Kerajaan prihatin sumbangan akademia,  
Menara gading tetap berbakti,  
Untuk agama, bangsa dan negara.*